

Penduduk Malaysia sudah mencecah hampir 32 juta orang. Demografi dan geografinya

menunjukkan proses urbanisasi berlaku dengan hebat dan perubahan daripada latar agama, etnik, gender, fahaman politik, kelas, celik huruf dan stratifikasi masyarakat walaupun jurang kenegerian dan bandar serta luar bandar masih ketara.

Sebanyak 25 juta orang penduduknya menggunakan internet, iaitu 24 juta atau 78 peratus aktif di media sosial dengan data menunjukkan bahawa 70 peratus aktif di Facebook, YouTube (69 peratus), WhatsApp (68 peratus); Instagram (49 peratus) dan Messenger (47 peratus).


Media sosial sudah menjadi wadah pelbagai aktiviti harian rakyat di negara ini. Guru juga berkomunikasi dengan pelajar dan ibu bapa melalui aplikasi ini. Tidak terkecuali urusan pembayaran, penjualan dan pembelian. Persoalannya, tidakkah kita berasa bahawa media sosial telah menguasai diri dan alam sekeliling kita?

Waima buruk atau baik sesuatu berita yang terdapat dalam media sosial datang daripada sejauh manakah kita bersedia untuk memahami bahawa maklumat palsu mengundang polemik, manakala informasi benar akan membawa kepada perbincangan dan perdebatan. Sebelum ini, sering kita katakan bahawa tidak ada akses, maka tidak ada maklumat. Pada hari ini, dengan peluasan penggunaan internet dan jaringan yang disediakan melangkaui sistem komputer kepada telefon bimbit, maklumat mudah diperoleh atau disalurkan oleh pihak tertentu. Namun begitu, dengan pelebaran akses kepada media sosial, dilemanya adalah apakah kita menggunakan daya taakul dengan sebaik-baik mungkin untuk menyaring maklumat dan proses saringan bukan dilakukan oleh pihak lain tetapi diri sendiri?

Ada juga pihak yang taasub dan percaya sehingga mempertahankan

Media Sosial: Dinding Penyatuan atau Benteng Pemusnah?

BARU-BARU ini, Menteri Komunikasi dan Multimedia, Gobind Singh Deo, telah menyarankan agar diwujudkan satu platform media sosial yang menyiarkan berita atau isu yang sahih. Dalam ciapan Twitter dan hantaran Facebooknya, beliau menulis: - "Marilah kita pastikan tahun ini kita wujudkan pentas media sosial berdasarkan fakta benar dan sahih supaya kita dapat bina negara maju dan berjaya, selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama dan kekalkan perpaduan dan keharmonian Malaysia!".



sesuatu isu tanpa diselidiki benar atau sebaliknya. Ada juga yang beranggapan bahawa media sosial ini amat sempurna dengan mempertahankan sesuatu yang palsu tanpa keadilan kepada mangsanya. Buli siber juga menjadi-jadi dalam kalangan orang kenamaan dan artis. Ada warga siber mempersendakan nama dan mereka mencipta isu buruk walaupun mengetahui implikasinya.

Persoalannya, bagaimanakah pengguna media sosial memastikan sesuatu fakta itu benar? Pertama, didikan pada pelbagai peringkat penting kerana hal itu akan membolehkan pelayar media sosial memahami adanya etika yang perlu dihormati. Pemantauan oleh pihak berwajib bukan secara bermusim, tetapi berterusan di samping memupuk nilai beretika agar pelayar dan pengguna memahami adanya keterbatasan dalam penggunaan media sosial. Orang ramai sendiri boleh menjadi penggerak kepada pendekatan semak dan imbang supaya menjadi mata dan telinga pihak berwajib secara tidak langsung.

Pada hari ini, dengan memohon maaf seolah-olah pengguna boleh melepaskan diri dengan mudah sedangkan apa-apa yang penting adalah bagaimana kesalahan tersebut diterjemahkan dalam bentuk pendakwaan dan hukuman yang setimpal dengan keadaan semasa. Kita seharusnya belajar dari Singapura yang mempunyai Jawatankuasa Pemilih Khas untuk meneliti isu media sosial, manakala Thailand pula mengawal ketat mesej dalam media sosial. Misalnya, apabila ada individu yang menghina Raja Thailand, hukuman berat dikenakan supaya pihak lain akan mengambil iktibar dan lebih berhati-hati. Oleh itu, sudah sampai masanya, peraturan dan undang-undang yang sedia ada digunakan secara serius dan menyeluruh. Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 perlu dijadikan rujukan.

Landasan digital dengan kecanggihan cara berkomunikasi sehingga menjejaskan etika kewartawanan perlu dihalusi kerana wujudnya informasi tidak tepat dan palsu nilainya. Kebergantungan terhadap platform digital secara keterlaluan boleh membawa kepada kadar kepalsuan berita yang meningkat. Malaysia juga tidak terkecuali. Dalam kebanyakan insiden atau peristiwa termasuk ketika pilihan raya, gerakan tentera siber dilihat banyak mempengaruhi persepsi pengundi walaupun ada yang tidak benar dan kesahihannya diragui. Apakah literasi media masih rendah dan kebebasan digunakan sepenuhnya tanpa memahami adanya keterbatasan dalam perilaku seorang warga siber meskipun yang dilaungkan ialah demokrasi? Lihat latar belakang individu yang ditahan baru-baru ini kerana sebaran berita palsu berhubung Covid-19 – tutor sambilan, seorang pembantu farmasi dan mahasiswa universiti awam. Semuanya berpendidikan dan mengetahui akan risikonya, tetapi masih bebal dan mengambil langkah memanjangkan berita palsu?

Kesan pemalsuan berita amat besar kerana gejala itu boleh meruntuhkan dinding penyatuan atau membina perisai benteng pemusnah. Hubungan semuka yang saban hari semakin kurang dan hubungan alam maya yang semakin meningkat ada kesannya. Nilai keinsanan tergugat. Jambatan perpaduan boleh terbakar sekiranya ejen sosialisasi mendiamkan diri termasuklah keluarga, sekolah, universiti, guru, media, pemimpin, agensi berwajib dan diri sendiri. Isu yang sensitif sebagaimana yang sudah termaktub dalam perlembagaan mestilah tidak disentuh termasuk isu agama, Raja-raja Melayu, hak istimewa bumiputera dan bahasa. Provokasi terhadap isu ini akan hanya menjadikan media sosial satu liabiliti dan bukan aset sedangkan media sosial

merupakan platform untuk meraikan penceritaan kejayaan yang dinikmati bersama-sama.

Malaysia tidak memerlukan penganalisis rojak yang mencurigakan serta menimbulkan polemik dan dilema. Kita memerlukan kejujuran dan keikhlasan di sebalik paparan sesuatu isu atau berita. Zaman berubah, pemikiran juga perlu ditingkatkan ke arah pembaharuan yang sedang berlaku. Nilai kemanusiaan tidak boleh dikompromikan kerana lahirnya pelbagai peralatan, metodologi dan mekanisme baharu. Kita perlu menyesuaikan diri dengan perubahan, tetapi tidak membenarkan perubahan menguasai diri sehingga menggadaikan maruah, akidah, jati diri dan perwatakan diri yang perlu sentiasa disantuni dan menjadi contoh kepada pihak lain, baik di dalam mahupun di luar negara dengan reputasi dan kredibiliti yang tinggi.

Media sosial perlu menjadi dinding penyatuan dan bukannya benteng pemusnah yang menunggu ledakan dan gegaran untuk merobohkan apa-apa yang sudah terbina sejak sekian lama. Pelita lama jangan terlalu cepat dibuang kerana riak melihat fajar yang sedang menyingsing. Hari siang juga akan berakhir, jangan nanti bila senja mendakap malam, rakyat mula teraba-raba, hilang haluan diselubungi kegelapan malam, kerana pelita lamanya sudah tiada lagi. Jangan dinding penyatuan dirobek disebabkan wujudnya media sosial yang menjadi benteng pemusnah diri, masyarakat dan tanah air yang tawarikhnya panjang dan perlu sentiasa diingati oleh penghuninya yang rencam merentasi Semenanjung, Sabah dan Sarawak. ▣

Penulis ialah Pensyarah Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia.